

BAHAGIAN VI

■ HARTA DAN WANG KOPERASI-KOPERASI BERDAFTAR

21. Kuasa mengeluarkan pinjaman kepada pekerja.

- (1) Jika koperasi berdaftar meluluskan untuk mernberi apa-apa Pinjaman kepada pekerjanya dibawah perenggan 51(1)(b) Akta, koperasi berdaftar itu hendaklah memberitahu Ketua Pendaftar secara bertulis mengenai kelulusan tersebut dalam masa satu bulan dari tarikh kelulusan itu dan sebelum pemberian pinjaman itu.
- (2) Pemberian pinjaman kepada pekerja hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua pendaftar.
- (3) Koperasi berdaftar boleh meneruskan pemberian pinjaman kepada pekerja jika-
 - (a) Ketua Pendaftar memberitahu koperasi berdaftar itu bahawa dia tidak berhasrat menetapkan apa-apa syarat; atau
 - (b) dalam masa satu bulan selepas dimaklumkan di bawah subperaturan (1). Ketua Pendaftar tidak menetapkan apa-apa syarat.

22. Keluaran bon atau debentur.

Penerbitan bon atau debentur oleh koperasi berdaftar hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar.

23. Syer tidak oleh disandarkan sebagai cagaran

Syer-syer koperasi berdaftar tidaklah boleh disandarkan kepada koperasi itu oleh anggotanya sebagai cagaran bagi sesuatu pinjaman

24. Dividen.

Kadar dividen yang dibayar atas syer-syer atau yuran-yuran oleh sesuatu koperasi berdaftar hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus setahun kecuali dengan kelulusan Ketua Pendaftar.

Pind.
Peraturan
PU(A)591/1
996.

25. Keuntungan modal dan syer bonus.

- (1) Koperasi berdaftar yang buku-buku dan rekod-rekodnya yang, pada pendapat Ketua Pendaftar, disenggarakan dengan memuaskan boleh, dalam mesyuarat agungnya, mengisyiharkan dan mengeluarkan syer bonus di bawah mana-mana peruntukan relevan seksyen 55 Akta-
 - (a) kepada anggota yang namanya ada dalam daftar anggota pada tarikh pengisyiharan syer bonus itu; dan

- (b) berasaskan kepada syer-syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota pada masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus itu dan dalam hal penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus semula, dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharaan itu.

26. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.

Menurut perenggan 50 (d) dan (e) Akta, koperasi berdaftar hendaklah-

- (a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, skim berhubungan dengan simpanan khas anggota atau deposit atau pinjaman daripada anggota atau yang bukan anggota;
- (b) menyatakan terma dan syarat tiap-tiap skim dalam surat cara berasingan;
- (c) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan
- (d) mengemukakan suratcara yang diluluskan kepada Ketua Pendaftar dalam masa satu bulan selepas diluluskan.